



## NOTIS MAKLUMAN

### PELANCARAN E-KAUNTER LPPSA [KAUNTER PERKHIDMATAN PELANGGAN LPPSA SECARA MAYA (*VIRTUAL*)]

LPPSA akan melancarkan satu lagi saluran komunikasi baharu untuk pelanggan berhubung dengan Pegawai Khidmat Pelanggan LPPSA yang dikenali sebagai **e-Kaunter LPPSA**. Saluran e-Kaunter LPPSA ini akan beroperasi bermula 31 Mac 2023.

e-Kaunter LPPSA merupakan platform komunikasi secara maya (*virtual*) dan secara dalam talian menawarkan perkhidmatan konsultasi seperti pengiraan kelayakan, semakan tunggakan, pertanyaan status pinjaman, penghantaran dokumen sokongan seperti pemakluman persaraan, pemakluman kematian peminjam dan lain-lain pertanyaan.

Perkhidmatan e-Kaunter LPPSA adalah secara **janji temu (*appointment*)** secara dalam talian melalui panggilan video. Pelanggan boleh berkomunikasi dengan LPPSA melalui semua jenis peranti elektronik seperti telefon pintar, komputer dan tablet dengan sokongan internet yang optimum. Waktu operasi adalah pada hari Isnin hingga Jumaat, dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang kecuali Sabtu, Ahad dan cuti umum. Video panduan dan soalan lazim berkaitan e-Kaunter LPPSA boleh diakses melalui pautan [e-Kaunter](#).

Diharapkan penambahan pilihan perkhidmatan kaunter ini akan meningkatkan pengalaman pelanggan berurusan dengan LPPSA yang lebih baik dan efektif.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di pautan [e-Tiket](#).

**31 MAC 2023**